

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 2017**


PENANGGUHAN KUTIPAN KADAR BARU CUKAI TANAH

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 23/2016 yang bersidang pada 09hb. November 2016, telah meluluskan kertas cadangan penangguhan kutipan kadar baru cukai tanah.

2. Kadar baru cukai tanah telah dipekelilingkan melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan bilangan 9 tahun 2016. Selaras dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri di atas, kutipan kadar baru cukai tanah akan ditangguhkan bagi tahun 2017 dan 2018. Kutipan cukai tanah dengan kadar baru akan dikutip bermula pada 01hb. Januari 2019.

3. Walau bagaimanapun, kadar baru cukai tanah akan dikenakan kepada mana-mana tanah kategori bandar yang diisytiharkan di bawah Seksyen 12 (2) Kanun Tanah Negara 1965 yang telah diluluskan permohonan pembangunan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri mulai tahun 2017.

4. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri.


.....
DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, D.P.S.K. (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM**

**FAIL : PTG.KN.31/83 JLD.5
BERTARIKH : 11 RABIULAKHIR 1438H
10HB. JANUARI 2017**